

15/02/1999

Anggap perjuangan parti sebagai ibadah: Abdullah

KUALA LUMPUR, Ahad - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi meminta ahli Umno supaya menganggap perjuangan dalam parti, terutama bagi meninggikan martabat bangsa Melayu, sebagai satu ibadah.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, ahli Umno perlu meninggalkan segala perbuatan keji termasuk perbuatan mengadu-domba, rasuah dan `menikam dari belakang' bagi memastikan imej Umno tidak terjejas.

"Bagi saya perjuangan di dalam Umno adalah satu ibadah, ia adalah fardu kifayah dan Allah akan merahmati jika perjuangan yang kita lakukan ini diniatkan sebagai ibadah.

"Boleh jadi ini adalah satu rahsia yang boleh kita pakai dalam perjuangan Umno terutama dalam mempertingkatkan martabat Melayu.

"Kalau rahsia ini kita amalkan, perjuangan Umno akan teguh, tidak akan dicacatkan dengan perbuatan yang boleh merosakkan perjuangan...

Insyallah jika ini diamalkan, tidak akan ada perbuatan mengadu domba dan memporak-perandakan antara kita, tidak ada tikam belakang serta perbuatan keji yang salah di sisi Islam," katanya.

Abdullah berkata demikian ketika berucap di Majlis Sambutan Aidilfitri anjuran Badan Perhubungan Pergerakan Wanita dan Pemuda Selangor di sini, petang ini.

Turut hadir, Menteri Besar, Datuk Seri Abu Hassan Omar, Setiausaha Agung Umno, Datuk Sabbaruddin Chik, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Tajol Rosli Ghazali dan Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman serta Pemangku Ketua Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Hussein.

Abdullah juga meminta ahli Umno supaya tidak mengamal sikap berpuak-puak, sebaliknya bersatu membantu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam menangani pelbagai masalah ekonomi dan politik.

"Saya tidak mahu ada puak-puak, geng atau kumpulan dalam Umno. Umno adalah satu kumpulan dan semua ahli Umno perlu patuh pada kepemimpinan dan perlembagaan kerana matlamat kita hanyalah satu iaitu perjuangan untuk bangsa Melayu.

"Bagi saya kalau saudara dalam perjuangan Umno, saya adalah kawan saudara dan kalau saudara menentang Umno, saya akan menentang saudara," katanya.

Abu Hassan dalam ucapannya berkata Umno Selangor menyokong penuh terhadap pelantikan Abdullah sebagai timbalan perdana menteri.

"Umno Selangor, Pemuda dan Wanitanya akan berdiri teguh di belakang Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri, terutama untuk membantu Dr Mahathir dan parti," katanya.

(END)